

Penerapan Uslub Dakwah dalam Politik di Kelantan

BITARAVolume 2, Issue 4, 2019: 105-113
© The Author(s) 2019
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>**Nor Bahiah Jailami Ab Rahman & Berhanundin Abdullah¹****Abstrak**

Penerapan uslab dakwah dalam arena politik khususnya di Kelantan kini menjadi penyumbang utama dalam proses penyampaian mesej dakwah kepada masyarakat. Antara permasalahan kajian ini ialah pengaruh Islam menjadi aspek utama penerimaan dalam masyarakat terhadap golongan agamawan. Golongan agamawan menghayati sepenuhnya peluang ini untuk kesejahteraan kepada rakyat dan agama. Masyarakat Kelantan yang mempunyai asas agama yang tinggi sentiasa menilai terhadap setiap pendekatan politik yang dilaksanakan di negeri itu. Ini menunjukkan bahawa pendekatan politik agamawan lebih mendapat sambutan daripada masyarakat Kelantan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti uslab dakwah dalam politik di Kelantan. Kajian ini menggunakan metode kualitatif yang berbentuk analisis dokumen. Dapatkan awal kajian ini mendapat bahawa uslab dakwah dalam politik sangat berperanan dalam mempengaruhi masyarakat. Pendekatan keilmuan, kebijakan dan keadilan dan meletakkan nilai-nilai Islam sebagai elemen utama dalam pentadbiran menjadi ukuran untuk masyarakat memberi sokongan dan menerima golongan agamawan sebagai peneraju kuasa pemerintahan. Pendekatan ini selari dengan fitrah kehidupan masyarakat Kelantan serta kehidupan mereka lebih terjamin dan berkebajikan.

Kata Kunci

Penerapan, uslab dakwah, politik, Kelantan

Cite This Article:

Nor Bahiah Jailami Ab Rahman & Berhanundin Abdullah. 2019. Penerapan Uslub Dakwah dalam Politik di Kelantan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(4): 105-113.

Pengenalan

Islam adalah suatu sistem kehidupan yang lengkap dan sempurna kerana mengandungi pelbagai sistem di dalamnya. Ternyata sistem politik merupakan satu aspek yang paling dipandang tinggi kerana politik adalah satu saluran yang sah dalam memperolehi kuasa pemerintahan (Hairol & Zakaria 2012). Rentetan daripada itu, Ibn Taymiyyah mewajibkan agar sistem politik dibentuk secara konkret melalui ketentuan Islam (Mawardi 2009). Sistem politik Islam mencakupi prinsip dan kaedah perundangan, keadilan, keharmonian, kebijakan, dakwah, pendidikan, takaful dan jihad merupakan asas sokongan masyarakat kepada kepimpinan kuasa memerintah.

Dalam Islam, politik merupakan medan utama penglibatan serta kegiatan pemimpin dan pendakwah untuk menarik pengaruh masyarakat. Penggunaan pendekatan dakwah adalah

¹ Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

Corresponding Author:

Berhanuddin Abdullah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu MALAYSIA.
E-mail: berhan@unisza.edu.my

sangat sesuai dan lebih tersusun supaya tidak mendatangkan sebarang permasalahan. Pendekatan dakwah adalah sesuatu yang bersumberkan daripada al-Quran dan Sunnah. Berdasarkan surah al-Nahl: 125, amalan dakwah Rasulullah SAW mencatatkan tiga uslub utama dalam menyeru manusia kepada kebaikan:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدَّلْهُمْ بِالْتِي هِيَ أَحَسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ
وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّبِينَ ١٢٥

Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik: sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayat petunjuk (al-Nahl: 125).

Berdasarkan amalan dalam masyarakat, sistem politik adalah sebahagian daripada Islam yang *syumul* (Abd Jalil 2013). Golongan agamawan telah mengambil peluang ini untuk mendekati masyarakat supaya ajaran Islam yang hendak disampaikan dapat dihayati dengan lebih sempurna. Politik agamawan menggunakan uslub dakwah dalam kempen mencari pengaruh dan sokongan masyarakat bagi menonjolkan imej sebenar kepimpinan golongan ilmuwan agama. Uslub yang dijalankan oleh agamawan ini menekankan aspek dakwah agar selari dengan kaedah Maqasid Syariah sebagai keutamaan. Oleh itu, dalam percaturan politik, mereka sangat memberi perhatian terhadap aktiviti dunia agar selari dengan ganjaran yang diinginkan akhirat, di samping sentiasa memperingati tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan ketuhanan (Safinah & Badlihisham 2013).

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan untuk memperincikan uslub dakwah dalam politik yang digunakan oleh pemimpin-pemimpin politik sekarang dalam menarik minat dan pengaruh masyarakat. Kajian ini membicarakan pendekatan dakwah pemimpin politik sebagai satu inisiatif mendampingi masyarakat dalam aktiviti keagamaan seiring dengan kehendak semasa lokaliti. Uslub dakwah yang dimainkan oleh agamawan dalam kerjaya politik mereka memberi fokus kepada penyampaian berkesan untuk memastikan pendekatan mereka disambut baik oleh masyarakat dan amalan Islam dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, reka bentuk yang digunakan adalah kualitatif melalui analisis dokumen yang diperoleh daripada artikel jurnal, buku rujukan ilmiah, majalah politik dan kajian-kajian lepas yang berkaitan. Sebagai panduan sepanjang penulisan ini dijalankan, kaedah ini melibatkan analisis dokumen melalui dalil-dalil dan nas-nas daripada Al-Quran, data daripada artikel-artikel jurnal yang berkaitan dengan kajian yang pernah dihasilkan terutamanya dalam bidang

berkaitan, buku-buku ilmiah yang diiktiraf sebagai autoriti dalam bidang berkaitan politik dan dakwah Islam, majalah politik semasa, kertas kerja yang telah dibentangkan, media cetak dan elektronik semasa tempatan.

Penyataan Masalah

Dalam setiap pilihanraya yang berlaku di Kelantan, sering kali memperlihatkan persaingan sengit di antara dua parti Melayu. Uniknya di luar Kelantan, sambutan besar terhadap UMNO adalah dari kalangan masyarakat bandar tetapi sebaliknya berlaku di Kelantan dengan memperlihatkan sambutan terhadap UMNO berpusat di kawasan luar bandar. Oleh itu, persaingan bagi kedua-dua parti ini lebih tertumpu kepada semangat kepartian kerana majoriti rakyat Kelantan adalah berketurunan Melayu-Islam. Mohd Faidz et al. (2014) telah menulis artikel yang bertajuk “Politik pilihan raya: Penolakan terhadap UMNO di Kelantan dalam Pilihan Raya Umum 2013” memfokuskan mengenai penolakan masyarakat Kelantan terhadap UMNO sewaktu PRU 2013. Penolakan UMNO di Kelantan adalah disebabkan pendekatan imej Barat yang tidak menjadi daya tarikan kepada rakyat bahkan ia tidak selari dengan usul dakwah bagi memastikan rakyat boleh memperakui bahawa apa yang dilaksanakan itu adalah bermatlamatkan Islam.

Perkembangan politik di Kelantan terus memikat minat ramai pemerhati politik. Paling menarik adalah apabila fenomena yang melibatkan persaingan sengit UMNO dan PAS selaku parti dominan di negeri itu. Sekali lagi menerusi kajian Faidz et al. (2014) dalam kajian yang bertajuk “Pilihan Raya Umum 2013: Penolakan berterusan pengundi di Kelantan terhadap Barisan Nasional” membincangkan bagaimana UMNO terus ditolak oleh rakyat Kelantan. Ianya disebabkan pendekatan melalui kebijakan pembangunan material yang dilaksanakan di Kelantan tidak dijadikan aspek utama kerana pengaruh kebijakan berpaksikan Islam lebih menaruh keyakinan rakyat. Ini menjadikan isu-isu yang wujud seperti isu kenaikan harga barang, isu bekalan air, isu tanah dan isu perkauman tidak mempengaruhi masyarakat secara keseluruhan.

Sorotan Kajian

Isu-isu politik keagamaan menjadi medan pertarungan pemimpin politik kepartian. Penggunaan slogan “Membangun Bersama Islam” merupakan usul untuk menarik perhatian masyarakat. Daripada sinilah diterapkan usul dakwah dalam urus tadbir sebuah Bandaraya Islam. Kajian yang dijalankan oleh Suhana & Marsitah (2009) bertajuk “Urus Tadbir Sebuah Bandaraya Islam: Kajian Kes Di Kota Bharu, Kelantan” dapat diperhatikan bahawa penekanan diberikan kepada pendekatan dakwah untuk meningkatkan keyakinan rakyat. Pendekatan dakwah dilaksanakan menerusi pembangunan MPKB-BRI yang berprinsipkan kepada 5K iaitu keilmuan, kepatuhan, kebijakan, kebersihan dan kesejahteraan. Penyampaian yang tersusun rapi dan sistematik telah berjaya menarik perhatian masyarakat dan tidak menimbulkan keraguan serta kritikan rakyat kerana usul yang digunakan lebih mesra rakyat.

Selain itu, penulis juga mendapati satu artikel yang ditulis oleh Shukeri Mohamad, Mohamad Azrien Mohamed Adnan dan Syed Abdurrahman Syed Hussin (2011) yang

memfokuskan tentang politik Islam di Kelantan dan memaparkan langkah-langkah yang dilaksanakan kerajaan negeri dalam amalan politiknya antaranya menyelaraskan kegiatan ekonomi dan kewangan selari dengan prinsip Islam, menghapuskan kegiatan judi dan pelacuran, menyelaraskan seni dan budaya dan mengemaskini penjualan arak untuk orang bukan Islam dan sebagainya. Ianya telah disambut baik oleh masyarakat kerana cara penyampaian oleh golongan politik agamawan dengan teliti, bermotifkan kesejahteraan, lembut, mesra dan tidak membosankan. Uslub dakwah ini telah menarik perhatian rakyat untuk bersama sehingga mendatangkan kesan positif ke atas masyarakat antaranya, dapat mengubah persepsi buruk masyarakat terhadap kemampuan Islam dalam mentadbir sesebuah negeri.

Dalam mengandaikan tingkah laku masyarakat berdasarkan uslub dakwah di Kelantan, pelbagai teori pernah digunakan dalam kajian lepas berkaitan uslub dakwah politik ini, antaranya ialah teori identifikasi parti dan teori pilihan rasional. Berpaksikan teori yang digunakan, ia dapat membantu para pengkaji untuk melihat reaksi masyarakat terhadap uslub dakwah dalam politik yang dilaksanakan dalam mengukuhkan lagi data yang diperoleh. Penggunaan teori ini boleh dilihat menerusi kajian Junaidi (2017) yang bertajuk “Tingkah Laku Pengundi dan Pilihan Politik Di Kawasan Parlimen Pasir Mas” dengan mendapati Teori Pilihan Rasional lebih dominan kerana masyarakat. Teori Pilihan Rasional lebih dominan kerana masyarakat mahukan perkara yang mendatangkan keuntungan kepada mereka sebagai contoh melalui aspek ekonomi, kebijakan, dan pembangunan. Dalam masa yang sama, masyarakat tetap mahukan agama sebagai tunjang kepada aspek tersebut. Selaras dengan pemerintahan yang berpaksikan Islam, pembangunan semata-mata adalah tidak mencukupi. Oleh itu, dengan meletakkan agama sebagai tunjang dalam segenap aspek telah memperlihatkan sebuah tingkah laku masyarakat yang baik dalam menerima uslub yang dilaksanakan.

Kajian Fuad & Junaidi (2011) yang bertajuk “Pembangunan dan Pola Pengundian Dalam Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Manek Urai, Kelantan” memperincikan lagi berkaitan faktor kejayaan UMNO dalam mengurangkan majoriti masyarakat menerima PAS. Kemampuan UMNO dalam menyusun strategi yang baik dengan menyampaikan segala bentuk pembangunan secara berterusan dapat menawan hati pengundi. Ini bermakna, pendekatan pembangunan yang dibawa PAS dianggap kurang berkesan untuk membawa perubahan di kawasan mereka, selari dengan kenyataan Faidz (2014) bahawa UMNO lebih mendapat sokongan yang tinggi daripada masyarakat luar bandar di kawasan pembangunan fokus.

Menurut kajian Muhammad Nadzri & Mohd Faizal (2016) yang bertajuk “Pilihanraya Dalam Politik Di Kelantan 1990-2013: Antara Parti, Pemimpin dan Isu” bahawa Kelantan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kawasan kubu kuat PAS yang mana kemenangan ini berasaskan kepada kelebihan personaliti calon yang dibawa. Manakala kawasan kubu kuat UMNO dicapai melalui pengaruh orang lama sebagai calon dan kawasan pengundian berubah-ubah disebabkan melalui isu yang dibangkitkan. Oleh itu, masing-masing menggunakan uslub dakwah yang tersendiri dalam mempengaruhi masyarakat. Perkara ini memperlihatkan personaliti calon memainkan peranan penting dalam meraih undi masyarakat di mana PAS meletakkan calon yang mempunyai personaliti seorang agamawan dilihat lebih berhasil meyakinkan rakyat.

Dapatan Kajian

Uslub dakwah dalam politik di Kelantan adalah berbeza mengikut peredaran masa yang memerlukan kepada pendekatan-pendekatan yang lebih inovatif dan sesuai dengan keadaan semasa masyarakat. Matlamat utama yang menjadi tumpuan para pimpinan politik agamawan ini ialah memastikan bahawa uslub yang digunakan adalah berkesan dan diterima oleh masyarakat semasa sekitar dalam konteks penghayatan Islam dalam aspek politik dan penekanan diberi berasaskan kepada konsep dakwah. Dalam kajian ini, uslub dakwah dilihat melalui empat aspek antaranya keilmuan, kebajikan dan keadilan, dan dasar-dasar Islam.

Keilmuan

Islam adalah dasar yang terbaik untuk seluruh manusia kerana ia datang dari Allah. Disebabkan itulah Malaysia khususnya Kelantan telah menetapkan bahawa segala urusan pentadbiran dan politik hendaklah menepati prinsip yang dianjurkan Islam. Berbanding negeri-negeri lain di Tanah Melayu, Kelantan memiliki pusat pendidikan dan pengajian Islam yang tinggi sehingga berjaya membawa kepada gelaran negeri Serambi Makkah melalui hasil pentadbiran dan politik (Suhana & Marsitah 2009). Dengan penerapan inilah menunjukkan kesan yang positif kepada masyarakat setempat sekali gus membolehkan kerajaan meletakkan kedudukan Islam dalam situasi yang selesa (UPKNK 1995).

Berdasarkan kepada konsep asas pendekatan dakwah menurut Islam, Allah SWT telah mengajarkan pendekatan dakwah kepada Nabi SAW melalui pelbagai pendekatan di mana pendekatan yang menjadi asas utama segala bentuk pendekatan ialah hikmah, *mau'izah al-hasannah, al-mujadalah dan qudwah*. Kaedah tersebut merupakan asas utama dalam meletakkan dakwah dan sarana-sarana perjuangannya serta menggariskan asas tersebut kepada Rasulullah SAW dan kepada para pendakwah selepasnya dalam rangka menyampaikan agama Allah SWT. Dalam surah al-Baqarah ayat 269, Allah telah mengaitkan hikmah dengan kebaikan yang banyak. Antara yang dikaitkan ialah melalui pendekatan ilmu pengetahuan. Akademik yang berteraskan ilmu pengetahuan yang mendalam dengan merujuk kepada sumber al-Quran dan as-Sunnah adalah lebih diutamakan dalam uslub ini. Dengan kata lain, bahan dakwah yang digunakan bagi tujuan ini adalah bersifat jitu dan tepat. Perkara ini boleh dilihat sebagaimana firman Allah dalam surah al-Mujadilah ayat ke 11 yang menjelaskan apabila berdepan dengan fenomena yang menganggap Islam tidak mempunyai wibawa untuk campur tangan dan urusan kenegaraan, penggunaan uslub dakwah itu sangat perlu. Kemantapan ilmu yang dimiliki oleh seseorang ahli politik akan menjadikan beliau berani berdepan dengan apa jua isu yang dibangkitkan:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجِlisِ فَافْسُحُوا يَفْسَحَ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ أُشْرُوْا فَانْشُرُوا وَرَزَقَ اللَّهُ مَا يَرَزِّقُ
الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَتٌ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ۖ ۱۱

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan

apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan (al-Mujadilah: 11).

Dalam konteks ini, terdapat pelbagai uslub yang menjadikan masyarakat tertarik untuk menerima sistem politik Islam yang dibawa oleh pucuk pimpinan PAS sebagai parti yang memerintah negeri. Daripada analisis yang dilakukan, pelaksanaan sistem politik Islam telah dimantapkan dengan keilmuan agama yang tinggi yang dimiliki oleh pemimpin PAS. Walaupun begitu, masih ada golongan yang menganggap Islam tidak mempunyai wibawa untuk campur tangan dalam urusan kenegaraan. Mereka masih beranggapan bahawa negara hanya boleh ditadbir dengan sistem Barat sahaja (Shukeri & Azrien 2016).

Justeru, dengan kemantapan ilmu yang dimiliki telah melahirkan sifat keberanian dalam berdepan dengan apa jua isu yang dibangkitkan dalam diri pemimpin. Hasil daripada itu, sikap keterbukaan melalui asas keilmuan telah menunjangi kepimpinan agamawan di Kelantan. Kemantapan ilmu yang sememangnya tidak boleh ditiru atau dibuat-buat adalah satu hakikat yang diperoleh melalui persediaan diri secara berterusan. Ini merupakan inti pati falsafah kepimpinan Islam di Kelantan. Secara keseluruhannya, kepimpinan Islam di Kelantan telah mencetuskan satu gambaran berbeza dalam politik dan pentadbiran. Gambaran tersebut ialah ulama' yang dikira sebagai peneraju kerajaan dan Islam sebagai landasan dalam sistem politik dan pentadbiran di Kelantan.

Kebajikan dan Keadilan

Sistem politik di Kelantan telah melakukan satu tindakan yang berani dengan menggunakan kerangka politik Islam dalam menguruskan pentadbiran kerajaan sedangkan negara Malaysia adalah sebuah negara yang berpegang kepada sistem demokrasi Barat. Dalam situasi yang bertembung dengan sistem politik negara, politik di Kelantan yang dicetuskan oleh Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz telah menggunakan pelbagai pendekatan dengan penuh bijaksana bagi menjayakan misi keislaman di negeri ini. Dalam hal ini, pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh pimpinan negeri antaranya memperjuangkan dan menjaga kebijakan dan keadilan masyarakat Kelantan. Justeru, pendekatan yang dilaksanakan memperlihatkan ia memperjuangkan hak rakyat di atas prinsip federalism (perlembagaan) (UPKN 2017).

Pendekatan kebijakan dan keadilan juga dikira sebagai uslub dalam mendekati masyarakat. Dengan meletakkan prinsip syariat Allah sebagai teras utama dalam pelaksanaan pendekatan kebijakan dan keadilan menyebabkan masyarakat lebih terdorong untuk menerima parti PAS sebagai kerajaan Kelantan. Ini selari dengan dasar yang telah digubal oleh kerajaan Kelantan iaitu Dasar Berkebijikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan, semata-mata untuk mencapai kepada tonggak Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan yang mana ianya berasaskan kepada slogan utama kerajaan iaitu Membangun Bersama Islam (Kerajaan Kelantan 2016).

Oleh itu, uslub dakwah dalam politik melalui aspek kebijakan dan keadilan di Kelantan melalui tema 'Negeri Berkebijikan' telah menawarkan satu pakej politik dan pentadbiran Islam

kepada rakyat dengan menggunakan prinsip keadilan, kebijakan dan kesejahteraan sebagai asas pembangunan negeri. Ia bertujuan untuk merealisasikan hasrat pelaksanaan Islam secara menyeluruh dalam urusan politik kepartian dan pembangunan negeri (Shukeri et al. 2012).

Berpandukan slogan tersebut, setiap kegiatan kebijakan pembangunan dan ekonomi yang bercanggah dengan ajaran Islam tidak akan dilaksanakan sebaliknya, pembangunan yang tidak bercanggah, akan diteruskan malah diberi galakan ke arah lebih maju. Ia termasuklah pembinaan infrastruktur, perumahan, pelaburan, perhotelan dan pelancongan. Tujuan kerajaan adalah untuk menyelamatkan rakyat daripada melakukan kemungkaran.

Nilai-nilai Islam

Nilai Islam memainkan peranan penting dalam membentuk identiti politik Islam di Kelantan. Oleh yang demikian, apabila nilai Islam menjadi elemen yang penting kepada rakyat dalam memilih, nilai Islam ini bukan sahaja menjadi pra-syarat atau elemen teras kepada sistem politik di Kelantan bahkan nilai Islam menjadi unsur penting dalam strategi politik di Kelantan. Dalam mencorakkan sebuah kelainan, ia bermula dengan siri kemenangan PAS di Kelantan yang bermatlamat untuk menegakkan sebuah pentadbiran negeri yang berlandaskan syariat Islam. Perubahan dasar daripada nasionalis-sekular kepada pentadbiran Islam menjadikan Kelantan sebagai sebuah negeri yang subur dengan amalan Islam dan meningkatnya kefahaman dalam kalangan masyarakat.

Bertitik tolak dari dasar politik Islam dan dengan kuasa yang diberikan, kerajaan Kelantan telah berjaya mencetuskan produk-produk keislaman dalam pentadbiran semasa seperti penonjolan Islam sebagai dasar utama kerajaan, pemakaian al-Quran dan as-Sunnah sebagai rujukan tertinggi, peningkatan aktiviti kebijakan, penyelaras terhadap aktiviti ekonomi dan kewangan mengikut prinsip Islam dan banyak lagi (Shukeri et al. 2011). Ini dapat diakui sendiri oleh Menteri Besar Kelantan, Dato' Ahmad Yacob bahawa banyak pengajaran dan ilmu yang terdapat dalam al-Quran yang diterjemahkan ke dalam pelaksanaan melalui aspek pembangunan Islam, dakwah dan pembangunan insan di Kelantan.

Bagi Menteri Besar Kelantan, segala pentadbiran yang dibuat adalah semata-mata bertujuan untuk menjayakan kehendak al-Quran (Zainuddin 2000). Beliau menjelaskan bahawa menjayakan kehendak al-Quran itulah dipanggil ‘Membangun Bersama Islam’. Sebagai contoh, aktiviti penghapusan kegiatan riba, judi dan maksiat sebagai langkah bagi menyelamatkan rakyat daripada gelombang kemungkaran yang mengundang kesan buruk pada masa akan datang kerana gejala tersebut dianggap musuh masyarakat.

Di antara cetusan yang berjaya dihasilkan melalui nilai-nilai Islam ialah penambahan aktiviti dakwah bagi memantapkan program keislaman di Kelantan. Dalam hal ini, peranan kerajaan sangat besar dalam meningkatkan penghayatan dalam kalangan masyarakat. Selain itu, penonjolan imej bersih dalam pentadbiran di mana tiada kes-kes rasuah yang direkodkan. Pengukuhan sistem pendidikan Islam dengan menambahkan pengajian Islam dan juga sains sebagai langkah meningkatkan ilmu pengetahuan anak muda. Penyelaras aktiviti kewangan dan ekonomi selari dengan prinsip yang ditetapkan seperti memindahkan simpanan tetap kerajaan negeri dari bank konvensional kepada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

Daripadauraian di atas, didapati nilai Islam yang dibawa merupakan asas dalam menentukan hala tuju kerajaan Kelantan. Secara keseluruhannya, kerajaan Kelantan telah

mengerakkan nilai Islam ini dalam satu bidang kuasa yang meluas yang diperuntukkan kepada kerajaan Negeri sebagaimana termaktub dalam Undang-undang Negara (Shukeri & Azrien 2016). Dalam konteks umat Islam berlainan wadah adalah satu kelaziman tetapi kesatuan fikrah amat penting untuk dimiliki agar perpecahan yang terjadi tidak membawa bencana kepada masa depan masyarakat.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, uslub dakwah dalam politik di Malaysia khususnya di Kelantan amatlah luas. Sebagaimana yang dinyatakan dalam penulisan ini, penggunaan uslub dakwah dengan mempunyai keilmuan yang tinggi, membawa kebijakan dan keadilan serta menerapkan nilai-nilai Islam dalam setiap aspek dilihat sangat bertepatan dalam usaha membangunkan sebuah masyarakat yang beragama. Mesej dakwah yang disampaikan meliputi aspek politik yang mana dasarnya adalah tidak lari dari kerangka konsep asas dakwah Islam. Hasil dapatan yang diperoleh menggambarkan dengan lebih jelas bagaimana uslub dakwah tersebut telah diaplikasikan dalam sistem politik di Kelantan.

Rujukan

- Ab Aziz Mohd Zin. 1995. Sasaran Dakwah Non-Muslim Di Malaysia: Suatu Kajian Tentang Keadaan Orang Asli Di Perkampungan Orang Asli Ulu Kuang. *Jurnal Usuluddin* 2(2): 143-153.
- Abd Jalil Borham. 2013. Konsep siyasah syar'iyyah dan pelaksanaannya dalam konteks Malaysia. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pelaksanaan Siyasah Syar'iyyah dalam Konteks Masa Kini: Isu dan Cabaran. Melaka: Kolej Universiti Islam Melaka.
- Ahmad Mawardi Abdullah. 2009. Kebijakan Politik Islam Nik Abdul Aziz Nik Mat di Kelantan Tahun 1990-2008. Tesis Sarjana. Program Studi Jinayah Siyasah, Fakultas Syari'ah dan Hukum, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, Indonesia.
- Ahmad Fakhruddin Mohd Tahir, Roslan Mohamed. 2013. Konsep Dakwah Melalui Politik Dalam Islam: Satu Sorotan. *E-Prosing Seminar Antarabangsa Dakwah & Pembangunan Insan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Atiff Zayyad Idris & Nik Azman Nik Mustafa. 2015. *Fajar Islam*. Kota Bharu, Kelantan: Unit Edaran Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN).
- Badlihisham Mohd Nasir. 2000. Falsafah Dakwah Parti Islam SeMalaysia (PAS): Satu Tinjauan Kertas Kerja, Seminar Falsafah Dan Peradaban Pembangunan di Alaf Baru, Bangi, Selangor 11-12 September.
- Buletin, UPKNK. 1995. Bil. Keluaran Khas, April, h. 4
- Che Yusoff Che Mamat, Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, Anuar Puteh. 2004. Pendekatan dakwah kepada Orang Asli Suku Semai di Kampung Sungai Ruai, Raub Pahang. *Jurnal Islamiyyat* 25(1) :30-36.
- Muhammad Na'im Daud. 2012. Pentadbiran Agama Islam di Kelantan: Kajian di Akhir Abad Ke-19 Sehingga Awal Abad Ke-20 Masihi. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Jabatan Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Hairol Anuar Mak Din & Zakaria Stapa. 2012. Pemilihan Kepimpinan Politik Melalui Pendekatan Nilai-Nilai Islami. *Jurnal Pengajian Islam* 6: 58-70.
- Jerry Gunandar, Najihah Abdul Wahid & Anas Mohd Yunus. 2018. Islam adn The Challenge of Secularism Ideology. *Bitara International of Civilization Studies and Human Science* 1(3): 110-121.
- Karia Rahmat. 2000. Program Dakwah kepada Masyarakat Iban di Simunjan Sarawak. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Ismail Mustari. 2005. Mendepani Kemelut Sosial Umat Islam: Cabaran Gerakan Dakwah. Kertas Kerja Muzakarah Gerakan Dakwah dan Kepedulian Sosial, Anjuran Jabatan Agama Islam Perak dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Cawangan Perak, Pusat Konvensyen PTTC, Ipoh.
- Muhammad Asyraf Mohd Azlin & Faudzinaim Badaruddin. 2019. Tahap Pengetahuan Masyarakat Terhadap Tarekat di Negeri Sembilan. *Bitara International of Civilization Studies and Human Science* 2(2): 29-36.
- Badlihisham Mohd Nasir. 2000. Pendekatan Politik Parti Islam SeMalaysia (PAS): Satu Sorotan. *Jurnal Syariah*, 8(1): 69-82.
- Patton, M.Q. 1990. *Qualitative Evaluation and Research Methods*. (2nd ed.). Newbury Park: Sage Publications, Inc.
- Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kelantan 2016.
- Roslan Umar, Syed Mohd Hafiz Syed Omar, Nor Hazmin Sabri & Nur Athirah Ahmad Fashil @ Ahmad Fazil. 2018. Pendekatan Konsep Tabayyun dalam Isu Falak Kontemporari. *Bitara International of Civilization Studies and Human Science* 1(2): 36-43.
- Safinah Ismail, Badlihisham Mohd Nasir. 2013. Pendekatan dakwah professional ustaz: Satu analisis. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah & Pembangunan Insan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Shukeri Mohamad, Mohamad Azrien Mohamed Adnan & Syed Abdurahman Syed Hussin. 2011. Analisis pengaruh politik Islam di Negeri Kelantan terhadap gaya hidup masyarakat di Malaysia. Dlm. Ahmad Zaki Ibrahim, Tajdid & Islah. Kuala Lumpur: Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies, University of Malaya.
- Suhana Saad, Marsitah Mohd Radzi. 2009. Urus tadbir sebuah Bandaraya Islam Malaysia: Kajian kes di Kota Bharu, Kelantan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 5(3):8-25.
- Suzanah Nilam. 2012. Gerakan dakwah di Kota Kinabalu: Kajian terhadap Pertubuhan Islam seluruh Sabah. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zainuddin Awang Hamat 2000. Bagaimana Kelantan Memilih Kerajaan? dalam Dinsman (ed). Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Kelantan.